



SIARAN MEDIA

UDA SELAMATKAN PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI DI SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG

PULAU PINANG, 20 Januari 2014 : UDA Holdings Berhad melalui anak syarikatnya UDA Land (North) Sdn Bhd telah berjaya menyiapkan Projek Taman Orkid Indah, Seberang Perai Utara yang telah terbengkalai sejak dari tahun 2005 dan telah pun menyerahkan Pemilikan Kosong (*Vacant Possession*) dan kunci kepada 70 orang pembeli Projek Taman Orkid Indah, Seberang Perai Utara bertempat di Dewan Komuniti projek tersebut baru-baru ini.

Menurut Pengarah Urusan UDA Holdings Berhad, Ahmad Abu Bakar, Projek Taman Orkid Indah, Seberang Perai Utara ini melibatkan pembinaan 70 unit rumah banglo setingkat di kawasan seluas 4.6 hektar adalah merupakan projek terbengkalai yang diusahakan oleh Syarikat Sri Jeluda Sdn Bhd yang juga anak syarikat Koperasi Serbaguna Jelutong, Pulau Pinang. UDA dengan kerjasama Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan & Kerajaan Tempatan (KPKT) telah meletakkan komitmen yang tinggi dalam menyelamatkan projek terbengkalai ini walaupun tiada pulangan yang lumayan di mana UDA telah membelanjakan RM9.02 juta untuk menyiapkan projek tersebut. Projek ini telah siap sepenuhnya pada 15 September 2013.

Ahmad Abu Bakar berkata lagi, "UDA telah diberi kepercayaan untuk menyiapkan projek terbengkalai tersebut sejak dari tahun 2005 berdasarkan prestasi UDA yang baik selama ini. UDA telah mengambil cabaran tersebut dan menyifatkan ianya sebahagian daripada tanggungjawab sosial UDA (CSR) kepada masyarakat demi memastikan pembeli tidak menanggung masalah kerugian yang lebih besar serta tanda keperihatinan UDA dalam meningkatkan pemilikan hartanah di kalangan Bumiputera."

Turut hadir sama menjayakan majlis tersebut adalah wakil KPKT yang banyak membantu pihak UDA dalam memudahkan urusan dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam usaha menjayakan projek terbengkalai ini.

TAMAT

Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi :-

Puan Latifah Osman (Lat)
Pengurus Unit Media
Seksyen Komunikasi Korporat
BB Plaza, Lot 111, Jalan Bukit Bintang
55100 Kuala Lumpur
Tel : 03-2730 8469
Faks : 03-2731 2855
Email : lat@udanet.com
H/P : 012-2915427

Disediakan Oleh:	Disemak Oleh:	Disokong Oleh:	Diluluskan Oleh:
Latifah Osman Pengurus Seksyen Komunikasi Korporat	Rosniza Baharum Naib Presiden 1 Seksyen Komunikasi Korporat	Zainudin Deni Ketua Pegawai Operasi UDA Land North	Ahmad Abu Bakar Pengarah Urusan Kumpulan UDA Holdings Berhad
Tarikh: 09/01/2014	Tarikh: /01/2014	Tarikh: /01/2014	Tarikh: /01/2014